



GARIS PANDUAN DAN TATACARA PERMOHONAN BAHARU DAN PEMBAHARUAN PERMIT IPA JENIS B, C, D DAN E

1 Januari 2020

BAHAGIAN PELESENAN DAN TARIF

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	1
2.0 KELAYAKAN	3
3.0 PERMOHONAN PERMIT	3
4.0 KATEGORI, BUTIRAN KERJA DAN KELAYAKAN TAMABAHAN	6
5.0 TEMPOH PERMIT	9
6.0 BAYARAN FI	9
7.0 KELULUSAN / PENOLAKAN PERMIT	10
8.0 PENGANTIAN PERMIT	14

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Keperluan permit untuk kontraktor dinyatakan di dalam seksyen 50, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 (Kaedah-kaedah) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.
- 1.2 Seseorang yang berhasrat untuk menjalankan mana-mana kerja yang dinyatakan dalam seksyen 50, Akta 655 adalah dikehendaki untuk mempunyai permit.
- 1.3 Garis panduan ini hanya terpakai bagi **permohonan permit IPA Jenis B, C, D dan E sahaja**. Permohonan bagi permit IPA Jenis A1 dan A2 hendaklah dikemukakan kepada Agensi Perakuan SPAN di negeri-negeri yang berkenaan.
- 1.4 Permohonan secara manual termasuk pembayaran fi proses dan fi pemberian melalui bank draf, wang pos atau cek tidak akan diterima berkuatkuasa **1 Januari 2020**.
- 1.5 Semua pemohon permit perlu melengkapkan deklaras integriti sebagai satu pengesahan bahawa pemohon telah mematuhi semua keperluan Polisi Integriti Dan Anti Rasuah SPAN. Deklarasi akan dibuat secara atas talian berkuatkuasa **1 Januari 2020**.
- 1.6 Pemegang permit dikehendaki mematuhi syarat-syarat standard yang terkandung dalam Kaedah-kaedah termasuk apa-apa syarat lain sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.
- 1.7 **Di bawah seksyen 50 (2), Akta 655, kegagalan memiliki permit yang sah merupakan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit (RM300,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.**

2.0 KELAYAKAN

2.1 Kelayakan untuk memohon permit baharu dan pembaharuan permit IPA Jenis B, C, D dan E adalah seperti yang berikut:

- i. perniagaan (milikan tunggal/perkongsian) atau syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- ii. syarikat yang memiliki lesen perniagaan di Sabah dan Sarawak;
- iii. pertubuhan/persatuan/koperasi yang berdaftar;
- iv. pemegang perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) [bagi pemohon permit IPA Jenis C sahaja. Sila rujuk jadual pada perenggan 4.1 Kategori Permit C]; atau
- v. orang atau golongan orang yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa sebagai layak.

2.2 Permohonan permit melalui sistem e-permit hendaklah **dibuat oleh salah seorang pemilik/pengarah syarikat atau pekerja syarikat atau orang yang diberi kuasa bagi pihak syarikat.**

3.0 PERMOHONAN PERMIT

3.1 Permohonan permit baharu dan pembaharuan bagi Permit IPA Jenis B, C, D dan E hendaklah dibuat **secara atas talian (“online”)** melalui sistem e-Permit di laman sesawang SPAN (www.span.gov.my). Pemohon boleh merujuk manual pendaftaran pengguna dan tatacara permohonan permit terlebih dahulu sebelum membuat permohonan.

- 3.2 Permohonan baharu dan pembaharuan hendaklah dibuat **secara berasingan**.
- 3.3 Pemohon boleh memohon lebih daripada satu (1) jenis permit mengikut kategori kerja di dalam satu permohonan.
- 3.4 Permohonan pembaharuan permit hendaklah dikemukakan **dua (2) bulan** sebelum tempoh permit tamat. Sekiranya permohonan dikemukakan selepas tamat tempoh permit, permohonan akan diproses sebagai permohonan baharu.
- 3.5 Permohonan yang diterima akan disemak dan sekiranya tidak lengkap, pemohon akan dimaklumkan melalui email yang didaftarkan di dalam sistem e-permit.
- 3.6 Status permohonan boleh disemak melalui sistem e-permit selepas **tiga (3) hari bekerja** dari tarikh permohonan dikemukakan.
- 3.7 Sekiranya permohonan tidak lengkap, pemohon perlu melengkapkan permohonan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh pemakluman dan sekiranya gagal berbuat demikian, permohonan dibatalkan secara automatik dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula berserta bayaran fi proses yang baharu.
- 3.8 Pemohon dikehendaki untuk memastikan butiran permohonan adalah betul dan tepat sebelum permohonan dihantar. Sebarang permohonan untuk meminda maklumat selepas permohonan dihantar tidak akan dipertimbangkan dan fi proses tidak akan dikembalikan. Pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu berserta fi proses sekiranya ingin menukar jenis permit yang lain.
- 3.9 Senarai dokumen yang perlu dimuat naik bagi permohonan permit IPA Jenis B, C, D dan E adalah seperti yang berikut:

NO.	SENARAI SEMAK	B	C	D	E
1.	Dokumen pendaftaran syarikat yang terkini: a) Maklumat syarikat (Berhad/Sdn. Bhd.) yang dijana daripada perkhidmatan e-Info SSM; atau b) Borang D dan maklumat perniagaan (Milikan Tunggal/Perkongsian) yang dijana daripada perkhidmatan e-Info SSM; atau c) Borang 9, 24, 44 dan 49 SSM yang terkini; atau d) Lesen Perniagaan (Borang B) bagi syarikat yang mendaftar perniagaan di Sabah; atau e) Lesen Berniaga (Borang I dan CAP 64) bagi syarikat yang mendaftar perniagaan di Sarawak; atau a) Sijil Pendaftaran Koperasi/Pertubuhan/Persatuan.	√	√	√	√
2.	Salinan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB yang masih sah tempoh		√		
3.	Salinan surat/sijil pendaftaran jurutera dengan LJM atau IJM <i>atau</i> salinan surat lantikan jurutera perunding yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) atau Institut Jurutera Malaysia (IJM) (bagi permohonan Permit IPA Jenis C1 dan C2 sahaja)		√		
4.	Salinan sijil Kursus Ulangkaji Permit C (Paip & Retikulasi) Sistem Bekalan Air [bagi permohonan Permit IPA Jenis C (Bekalan Air) sahaja]		√		
5.	Permit daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) bagi lori tangki yang digunakan				√
6.	Dokumen pemilikan lori tangki seperti salinan geran/surat perjanjian jual beli/sewa beli yang masih sah tempoh				√

NO.	SENARAI SEMAK	B	C	D	E
7.	Surat kebenaran bagi tempat pelupusan enapcemar daripada IWK atau operator pemetungan atau Pihak Berkuasa Tempatan				√
8.	Senarai kerja atau projek yang pernah/sedang dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun terkini	√	√	√	√

4.0 KATEGORI PERMIT, BUTIRAN KERJA DAN KELAYAKAN TAMBAHAN

4.1 Kategori permit, butiran kerja dan kelayakan tambahan yang perlu dimiliki oleh pemohon adalah seperti berikut:

KATEGORI PERMIT (kaedah 5 [1]) Kaedah-kaedah	BUTIRAN KERJA	KELAYAKAN TAMBAHAN															
B Menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk menyambungkan suatu sambungan persendirian kepada suatu pemetungan atau tempat merawat kumbahan.	<u>Pemetungan</u> Kerja-kerja yang berkaitan termasuk memasang paip sambungan persendirian dari sesebuah premis bagi membawa kumbahan ke suatu sistem pemetungan awam, tempat rawatan kumbahan, tangki septik individu atau tangki septik komunal.	Tiada															
C Menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pemetungan.	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan sistem bekalan air dan/atau sistem pemetungan. <p>A. <u>Bekalan Air</u></p> <p>1. Kerja-kerja bekalan air yang berkaitan adalah termasuk:</p> <p>i. Kerja-kerja “hot tapping” di paip-paip awam. Sebelum menjalankan kerja-kerja ini, pemegang permit perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan khusus untuk kerja ini oleh Suruhanjaya selaras dengan kaedah 7(1), Kaedah-kaedah dan syarat tambahan seperti berikut:</p> <p>a) penebukan pada paip awam diwajibkan menggunakan “hot</p>	<p>1. Permit C yang ingin dimohon untuk memasuki tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja berkaitan bekalan air dan/atau pemetungan hendaklah berdasarkan julat nilai kerja dan setara dengan Gred CIDB seperti di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>PERMIT</th> <th>JULAT NILAI KERJA (RM)</th> <th>GRED CIDB</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>C1</td> <td>> 10,000,000</td> <td>G7 sahaja</td> </tr> <tr> <td>C2</td> <td>>2,000,000 tetapi < 10,000,000</td> <td>G4 hingga G7</td> </tr> <tr> <td>C3</td> <td>>200,000 tetapi < 2,000,000</td> <td>G2 hingga G7</td> </tr> <tr> <td>C4</td> <td><200,000</td> <td>G1 hingga G7</td> </tr> </tbody> </table>	PERMIT	JULAT NILAI KERJA (RM)	GRED CIDB	C1	> 10,000,000	G7 sahaja	C2	>2,000,000 tetapi < 10,000,000	G4 hingga G7	C3	>200,000 tetapi < 2,000,000	G2 hingga G7	C4	<200,000	G1 hingga G7
PERMIT	JULAT NILAI KERJA (RM)	GRED CIDB															
C1	> 10,000,000	G7 sahaja															
C2	>2,000,000 tetapi < 10,000,000	G4 hingga G7															
C3	>200,000 tetapi < 2,000,000	G2 hingga G7															
C4	<200,000	G1 hingga G7															

KATEGORI PERMIT (kaedah 5 [1]) Kaedah-kaedah	BUTIRAN KERJA	KELAYAKAN TAMBAHAN
	<p><i>tapping machine</i>” yang diluluskan;</p> <p>b) perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Operator/Pihak Berkuasa Air Negeri yang berkenaan. Ini adalah untuk memastikan bahawa Operator/ Pihak Berkuasa Air Negeri yang berkenaan tersedia maklum bahawa kerja-kerja penebukan akan dilakukan oleh kontraktor pada tarikh dan waktu yang ditetapkan; dan</p> <p>c) membuat apa-apa bayaran yang dikenakan dan mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh Operator Air/Pihak Berkuasa Air Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.</p> <p>ii. Kerja-kerja pemasangan sistem <i>Supervisory Control And Data Acquisition</i> (SCADA) dan telemetri.</p> <p>iii. Kerja-kerja pemasangan paip air seperti “<i>pipe jacking</i>”.</p> <p>iv. Kerja-kerja pemasangan peralatan elektrik dan mekanikal yang berkaitan dengan sistem bekalan air.</p> <p>B. <u>Pembetulan</u></p> <p>1. Kerja-kerja pembetulan yang berkaitan adalah termasuk:</p> <p>i. Kerja-kerja pemasangan sistem SCADA dan telemetri.</p> <p>ii. Kerja-kerja pemasangan paip pembetulan seperti “<i>pipe jacking</i>”.</p> <p>2. Kerja-kerja pemasangan peralatan elektrik dan mekanikal yang berkaitan dengan sistem pembetulan.</p>	<p>2. Pemohon Permit IPA Jenis C1 dan C2 mesti mempunyai jurutera yang berdaftar dengan LJM atau IJM. Sekiranya tidak mempunyai jurutera yang berdaftar, pemohon boleh melantik jurutera perunding yang berdaftar dengan LJM atau IJM dan mengemukakan dokumen pelantikan.</p> <p>3. <u>Permohonan Bekalan Air sahaja:</u></p> <p>i. Pemohon perlu memastikan mempunyai pekerja yang memiliki Permit IPA Jenis A1/A2 (permit tukang paip) atau menggunakan khidmat tukang paip yang memiliki Permit IPA Jenis A1/A2; dan</p> <p>ii. Pemohon permit dikehendaki menghantar sekurang-kurangnya seorang individu samada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat/Pemilik Perniagaan/Pengurus Teknikal untuk menghadiri Kursus Ulangkaji Permit C (Paip & Retikulasi) Sistem Bekalan Air mulai 1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2020. Sijil kehadiran kursus ini hendaklah disertakan sebagai dokumen sokongan semasa mengemukakan permohonan permit IPA Jenis C (Bekalan Air). Kegagalan menghadiri kursus ini boleh mengakibatkan permit sediaada dibatalkan dan tidak boleh diperbaharui lagi.</p>

KATEGORI PERMIT (kaedah 5 [1]) Kaedah-kaedah	BUTIRAN KERJA	KELAYAKAN TAMBAHAN
<p style="text-align: center;"><u>D</u></p> <p>Menjalankan perkhidmatan penyenggaraan bagi suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan tetapi yang tidak melibatkan pengendalian sistem tersebut</p>	<p><u>Bekalan Air dan Pembedungan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melibatkan sistem bekalan air dan/atau sistem pembedungan. 2. Kerja-kerja bekalan air/pembedungan yang berkaitan adalah termasuk: <ol style="list-style-type: none"> i. Kerja-kerja perkhidmatan penyenggaraan sistem SCADA (<i>Supervisory Control And Data Acquisition</i>) dan telemetri. ii. Kerja-kerja penyenggaraan peralatan seperti pam dan motor di loji rawatan air atau loji pembedungan. iii. Kerja-kerja perkhidmatan CCTV (<i>Close Circuit Television</i>) bagi sistem pembedungan. iv. Kerja-kerja memindah dan melupus "dry sludge" dari loji rawatan kumbahan ke tapak pelupusan yang dibenarkan (bagi kerja pembedungan sahaja). 3. Kerja-kerja penyenggaraan am seperti memotong rumput, memasang pagar, pembersihan kawasan, dan mengecat bangunan tidak memerlukan permit D. 	<p>Tiada</p>
<p style="text-align: center;"><u>E</u></p> <p>Mengusaha, menyedia atau mengadakan perkhidmatan penyahenap cemar.</p>	<p><u>Pembedungan</u></p> <p>Kerja-kerja berkaitan penyahenap cemar.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon perlu mendapatkan kebenaran/kelulusan bagi tempat pelupusan enapcemar daripada pihak yang berkaitan seperti Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) atau operator pembedungan atau Pihak Berkuasa Tempatan. 2. Pemohon perlu mendapatkan permit daripada APAD/ Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi lori tangki yang digunakan bagi menjalankan kerja penyahenap cemar.

4.2 Pemohon perlu mempunyai pengalaman di dalam mengendalikan kerja-kerja sistem bekalan air ataupun sistem pembedungan atau kedua-duanya serta mempunyai kakitangan teknikal yang berkelayakan. Pemohon hendaklah pada setiap masa melindungi keselamatan orang awam dan pekerjaanya dan hendaklah pada setiap masa mematuhi tatacara dan peraturan pekerjaan, kesihatan dan keselamatan yang berkaitan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

5.0 TEMPOH PERMIT

5.1 Tempoh permit yang boleh dimohon bagi **permohonan baharu** dan **pembaharuan** adalah bagi tempoh minimum **satu (1) tahun tetapi tidak melebihi tiga (3) tahun** sahaja.

6.0 BAYARAN FI

6.1 Fi yang perlu dibayar berkaitan permit adalah seperti yang berikut:

NO.	JENIS FI	KATEGORI PERMIT IPA JENIS				
		B BAGI SETIAP NEGERI (RM)	C BAGI SEMUA NEGERI (RM)	D BAGI SETIAP NEGERI (RM)	E BAGI SETIAP NEGERI (RM)	
1.	Fi memproses permohonan	30	100	30	30	
2.	Pemberian permit	300 setahun	C1	5,000 setahun	900 setahun	900 setahun
			C2	2,000 setahun		
			C3	750 setahun		
			C4	200 setahun		
3.	Pembaharuan permit	300 setahun	C1	5,000 setahun	900 setahun	900 setahun
			C2	2,000 setahun		
			C3	750 setahun		
			C4	200 setahun		

NO.	JENIS FI	KATEGORI PERMIT IPA JENIS			
		B BAGI SETIAP NEGERI (RM)	C BAGI SEMUA NEGERI (RM)	D BAGI SETIAP NEGERI (RM)	E BAGI SETIAP NEGERI (RM)
4.	Penggantian permit	50	50	50	50
5.	Salinan diakui sah permit	10	10	10	10

6.2 Fi memproses permohonan permit hendaklah **dibayar secara atas talian** samada melalui FPX atau Kad Kredit sahaja dan dijelaskan semasa permohonan dibuat.

6.3 Fi pemprosesan yang dinyatakan di atas bukannya fi permit. Fi tersebut adalah untuk SPAN memproses permohonan permit. Fi pemprosesan yang dibayar **tidak akan dikembalikan**.

7.0 KELULUSAN / PENOLAKAN PERMOHONAN PERMIT

7.1 Secara amnya, selaras dengan Akta 655 dan Kaedah-kaedah, SPAN diberikan kuasa dan budi bicara:

- a. untuk meluluskan permohonan permit baharu tertakluk kepada penganan syarat-syarat tambahan lalu mengeluarkan permit setelah bayaran fi permit dijelaskan, atau menolak permohonan permit baharu lalu tidak mengeluarkan permit, dan
- b. untuk meluluskan permohonan pembaharuan permit lalu memperbaharui permit tersebut tertakluk variasi atau pembatalan syarat-syarat atau penganan syarat-syarat tambahan atas bayaran fi permit, atau menolak permohonan pembaharuan permit lalu enggan memperbaharui permit tersebut.

- 7.2 Contoh-contoh situasi di mana pihak SPAN akan menolak permohonan permit baharu atau permohonan pembaharuan permit adalah termasuk tetapi tidak terhad, antara lain:
- a. kepada sesiapa yang telah disabit dengan kesalahan di bawah undang-undang yang berkaitan seperti Akta 655 atau perundangan subsidiarinya;
 - b. kepada sesiapa yang tidak mematuhi mana-mana syarat permit/lesen, atau tidak mematuhi, peruntukan dalam undang-undang yang berkaitan seperti Akta 655 atau perundangan subsidiarinya;
 - c. kepada sesiapa yang di bawah siasatan dan/atau dituduh di dalam Mahkamah kerana telah melanggar atau mengingkari mana-mana undang-undang yang berkaitan seperti Akta 655, dan perundangan subsidiarinya;
 - d. kepada sesiapa yang menjalankan kerja-kerja tanpa memiliki permit atau lesen bagi kerja-kerja yang memerlukan selaras dengan Akta 655 atau perundangan subsidiarinya;
 - e. kepada sesiapa yang didapati menzahirkan atau memberikan maklumat kepada Suruhanjaya atau pegawai diberikuasanya yang diketahui atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan;
 - f. kepada sesiapa yang terlibat dalam kes penipuan/pemalsuan termasuk dokumen yang dikeluarkan di bawah Akta 655 atau perundangan subsidiarinya atau dokumen yang dikeluarkan oleh pihak lain dan dikemukakan kepada SPAN atau pihak lain; atau

- g. kepada sesiapa yang telah gagal, abai atau cuai dalam melaksanakan atau mengendalikan kerja-kerja di bawah permit atau kerja-kerja yang berkaitan.
- 7.3 Kelulusan yang diberikan adalah bergantung kepada penilaian SPAN ke atas sesuatu permohonan dan SPAN berhak untuk tidak mengeluarkan permit kepada pemohon.
- 7.4 Pemohon akan dimaklumkan berhubung status permohonan samada diluluskan atau ditolak, dalam tempoh sekurang-kurangnya **dua (2) bulan** dari tarikh permohonan dikemukakan.
- 7.5 Permit yang berasingan akan dikeluarkan mengikut kategori kerja dan negeri kecuali bagi Permit IPA Jenis C. Sebagai contoh, Permit IPA Jenis D akan diberikan mengikut kategori kerja dan negeri manakala Permit IPA Jenis C akan diberi mengikut kategori kerja sahaja tanpa mengikut negeri.
- 7.6 Permit yang diluluskan adalah sah untuk tempoh minimum **satu (1) tahun tetapi tidak melebihi tiga (3) tahun** sahaja berdasarkan permohonan dan bayaran fi permit.
- 7.7 Permit yang telah diluluskan SPAN akan diluput dan dibatalkan jika bayaran fi pemberian permit **tidak di terima dalam tempoh tiga (3) bulan**.
- 7.8 Permit akan dicetak dan dikeluarkan dalam **tempoh 7 hari bekerja** setelah kelulusan permohonan dan bayaran fi pemberian permit dijelaskan.
- 7.9 Permit akan dihantar oleh SPAN melalui pos atau boleh diambil sendiri oleh pemohon atau wakil (dengan surat perwakilan) di ibu pejabat SPAN. Pemohon dikehendaki membuat perakuan penerimaan setelah

permit diterima dengan menghantar kembali borang perakuan penerimaan kepada SPAN.

- 7.10 Mana-mana permohonan yang didapati mengandungi maklumat yang tidak benar atau palsu, kelulusan yang diberikan pada awalnya akan dibatalkan serta merta dan SPAN akan mengambil tindakan penguatkuasaan selaras dengan peruntukan di bawah Akta 655 atau tindakan sewajarnya selaras dengan akta-akta lain yang terpakai.

8.0 PENGANTIAN PERMIT

- 8.1 Pemegang permit boleh memohon untuk membuat penggantian permit bagi salah satu keadaan yang berikut:
- i. Permit telah hilang atau musnah; atau
 - ii. Perubahan butiran di dalam sijil permit iaitu nama pemegang permit (pertukaran nama syarikat/perniagaan) dan alamat pemegang permit.
- 8.2 Sekiranya permit hilang atau musnah, pemegang permit hendaklah membuat laporan kepada SPAN dengan segera.
- 8.3 Sekiranya pemegang permit berhasrat untuk mengubah butiran di atas sijil permit, pemegang permit perlu mengemukakan surat permohonan penggantian permit berserta dokumen sokongan seperti Borang 13 SSM bagi pertukaran nama syarikat dan bayaran fi penggantian permit. Sijil permit sedia ada hendaklah dikembalikan kepada SPAN untuk dibatalkan.